

Henti projek sungai

MB beri arahan serta-merta, PBT diminta pantau

**AHMAD NORMAN
ABU TALIB**

SHAH ALAM – Kerajaan negeri mengarahkan semua kerja-kerja yang membabitkan rizab sungai dihentikan ekoran kejadian pencemaran serius tumpahan minyak di Sungai Selangor baru-baru ini.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, pihaknya memandangkan serius kejadian itu hingga menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), SSP2, SSP3 dan Rantau Panjang dihentikan tugas untuk sementara.

Katanya, bagi memasti-

kan kejadian tidak berulang, kerajaan negeri mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) membekukan semua permohonan membabitkan aktiviti di rizab sungai.

“Semua permohonan menjalankan aktiviti di kawasan rizab sungai dibekukan berkuatkuasa serta-merta.

“Semua PBT juga diarah menjalankan pemantauan semua aktiviti di kawasan rizab sungai terutamanya aktiviti tidak berlesen,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, semalam.

Abdul Khalid berkata, kerajaan negeri berpendapat pe-



ABDUL KHALID

nguatkuasaan undang-undang alam sekitar di negara ini perlu dipertingkatkan memandangkan kes-kes pencemaran disebabkan kecuaiian semakin kerap berlaku.

Pihaknya turut menyarankan Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menguatkuasakan prinsip pencemar membayar dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana kos kerosakan dan kos membaiki kerosakan akibat pencemaran itu ditanggung pihak terlibat.

“Kerajaan negeri bersama agensi kerajaan seperti Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Jabatan Alam Sekitar dan PBT di Selangor bekerjasama memantau dan memastikan kes pencemaran sungai dielakkan agar tidak berlaku gangguan bekalan air hingga susahkan rakyat,” katanya.